

'Kekuatan ASEAN atas semangat dan komitmen bersama'

Hubungan rapat negara anggota bolehkan rantau kekal aman dan stabil

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kekuatan ASEAN sejak enam dekad lalu bukan hanya terletak pada kepelbagaian, tetapi juga daripada komitmen berterusan terhadap dialog, kerjasama dan konsensus.

Beliau berkata, semangat itulah yang membolehkan ASEAN terus mengekalkan keamanan serta kestabilan, meskipun berdepan geopolitik dunia yang semakin kompleks.

“Secara kebetulan, minggu ini sahaja saya sempat bertemu dan berhubung dengan beberapa pemimpin ASEAN, sama ada secara langsung atau melalui panggilan telefon.

“Semuanya berlaku secara kebetulan, tetapi memberi gambaran jelas mengenai hubungan rapat yang wujud,” katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN (AMMTC) Ke-19 Mengenai Jenayah Transnasional di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Men-

teri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Setiausaha Agung ASEAN, Dr Kao Kim Hourn.

Bincang isu konflik

Anwar berkata, beliau juga ada berbincang dengan Presiden Filipina, Ferdinand Marcos yang kini berada di Kemboja bagi membincangkan isu berkaitan konflik antara negara berkenaan dengan negara jirannya, Thailand.

“Selain itu, saya juga berbincang dengan rakan saya, Anutin Charnvirakul yang kini menjadi Perdana Menteri baharu Thailand yang antara lain perbincangan menjurus kepada soal kerjasama dua hala serta keselamatan sejagat.

“Saya sentiasa mengatakan bahawa saya kekal komited, meskipun ada isu sempadan antara Thailand dan Kemboja, namun kita bersyukur kerana ketika ini proses damai sedang diteruskan dan dihormati oleh kedua-dua negara itu,” katanya.

Anwar berkata, beliau turut menerima panggilan daripada Presiden Indonesia, Prabowo Subianto ketika mempengerusikan mesyuarat pada petang semalam.

“Hubungan erat terjalin ini membuktikan ASEAN memiliki keunikan tersendiri. Saya tidak tahu ada rantau lain yang berjaya membina tahap kepercayaan bersama seperti ini.

“Serentak itu, ASEAN juga perlu terus mempertahankan ‘kesentralan’ sebagai prinsip geopolitik utama bagi memastikan rantau ini kekal menjadi pusat rujukan, sekali gus mengelakkan kuasa luar daripada mendominasi hala tuju serantau,” katanya.

Sementara itu, seramai 300 delegasi dari negara anggota ASEAN berkampung di Melaka bagi menghadiri mesyuarat berkenaan, bermula kelmarin.

Mesyuarat yang dipengerusikan Saifuddin Nasution itu adalah platform rasmi ASEAN yang menghimpunkan menteri-menteri negara anggota bagi membincangkan usaha sama memerangi jenayah rentas sempadan di rantau ini.

Antara fokus utama AMMTC ialah Jenayah perdagangan orang (TIP), penyeludupan migran, keganasan dan ekstremisme, keganasan siber, pengedaran dadah, jenayah kewangan dan pemalsuan serta penyeludupan senjata api.

Pada tahun ini, Melaka dipilih sebagai tuan rumah AMMTC Ke-19, sekali gus membuktikan satu penghormatan besar kepada negeri itu sebagai pusat pertemuan serantau.

AMMTC Ke-19 dan mesyuarat berkaitan berlangsung bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 yang bertemakan Keterangkuhan dan Kemampunan, mencerminkan komitmen Malaysia untuk membina komuniti ASEAN yang lebih selamat dan makmur.